



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)
BIL 2 2019/2020
TARIKH: 21 OKTOBER 2019 (ISNIN) 9.00 PAGI BILIK MESYUARAT SPS 3, SPS UTMJB
VC BILIK MESYUARAT FAKULTI RAZAK, ARAS 7, MENARA RAZAK, UTM KL

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN PENERUSI		
	1.2 Analisis Tempoh Pengajian Sarjana Penyelidikan Pengerusi memaklumkan bahawa tempoh pengajian pelajar Sarjana Penyelidikan UTM adalah agak lama dan ianya telah menjadi satu trend. Perkara ini sepatutnya dapat dielakkan dengan memastikan staf yang menguruskan VIVA mengemaskini maklumat dan perincian database pelajar. Ini adalah kerana pengurusan VIVA sebelum ini tidak mempunyai sistem yang boleh membantu penyimpanan maklumat pelajar dengan tepat selain fail pelajar sendiri. Sehubungan dengan itu, kerjasama staf fakulti-fakulti untuk mengisi maklumat di dalam sistem viva yang dibangunkan dan adalah sangat penting agar maklumat yang dikemaskini hendaklah tepat. Maklumat tempoh pelajar mendaftar sehingga menghantar tesis hendaklah tepat sehingga pelajar diperakukan ke Senat. Kerjasama semua fakulti juga diminta agar menyenaraikan pelajar-pelajar yang berada di semester 7 dan 8 bagi mengenalpasti dan mengkaji masalah-masalah pelajar tersebut. En. Asram bin Sulaiman meminta pihak SPS membantu untuk mengemukakan maklumat penuh ke fakulti-fakulti bagi melihat kes individu secara terperinci.	Tindakan : BPKA, SPS	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	1.3 Remote Supervision	Tindakan : BPSP, SPS	
	1.3.1 Rekod Pelajar Sehingga kini terdapat hanya 67 pelajar pascasiswazah yang merupakan pelajar remote supervision bagi semester I ssi 2019/2020. Pengerusi meminta kerjasama semua fakulti yang menguruskan pelajar agar dapat mengenalpasti, merekod dan memantau pelajar berkenaan. Borang remote supervision telah pun diedarkan ke semua fakulti tetapi kurang mendapat maklum balas. Kerjasama semua diminta agar dapat mengenalpasti dan merekodkan data yang tepat pelajar-pelajar tersebut.	Tindakan : Semua Fakulti	Sehingga November 2019 telah dikenalpasti pelajar yang mendaftar semester pengajian di UTM adalah seramai 188 orang.
	1.3.2 Transformasi Penawaran Kursus Kaedah Penyelidikan & Kursus Umum Pengerusi membentangkan jadual transformasi penawaran Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum. Beliau meminta agar semua fakulti mengambil kira jadual berkenaan untuk penawaran kursus kaedah penyelidikan pada semester hadapan. Terdapat 4 modul yang bakal ditawarkan oleh pihak sekolah/fakulti iaitu Kuliah 14 minggu, Kuliah secara modular, Summer Course (Julai) dan MOOC. Fakulti boleh menggunakan jadual tersebut untuk menawarkan Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kursus Umum. Fakulti juga diminta agar memaklumkan penawaran kursus-kursus tersebut kepada pihak SPS dan SRAD agar pihak SRAD boleh mengwar-warkan semasa pendaftaran pelajar	Tindakan : Semua Fakulti	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
12.0	HAL-HAL LAIN	Tindakan : BPKA, SPS	
	12.1 Pengambilan Pelajar Pascasiswazah i. Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa TNCA bersetuju untuk memanggil semua TDA fakulti untuk memberi taklimat berkaitan pengambilan pelajar berdasarkan kualiti dan bukan kuantiti. Pengarah SRAD diminta untuk memanggil mesyuarat bagi membincangkan dan memutuskan mengenai perubahan kelayakan Bahasa Inggeris diperingkat kemasukan Program Pascasiswazah. Berkaitan pelajar nusantara serumpun iaitu Brunei dan Indonesia yang tidak diwajibkan kelayakan kemasukannya mempunyai Bahasa Inggeris dengan syarat diperakukan oleh penyelia bahawa tesis pelajar akan ditulis di dalam Bahasa Melayu. Isunya adalah ini tiada yang akan mengesahkan dan menyemaknya apabila tesis disempurnakan kelak kerana borang tersebut tiada di SPS. TDA fakulti perlu memberi perhatian agar penyelia memastikan pelajar tidak menulis tesis di dalam Bahasa Inggeris. ii. Bagi bidang penyelidikan telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Senat berkaitan analisis penyelidikan oleh Pengarah RMC. Dimaklumkan bahawa di dalam era industry 4.0 dilihat antara bidang-bidang yang akan diteroka adalah bidang-bidang yang berbentuk <i>multi disciplinary</i>. Sehubungan dengan itu, fakulti perlu ada	Tindakan : SRAD	i. Dalam tindakan pihak SRAD.

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	kepercayaan dan amanah kepada pensyarah-pensyarah yang menyelia program-program dan bidang-bidang baharu. Perkara ini boleh dibincangkan dan diwar-warkan di fakulti bagi memberi galakkan pensyarah membuat <i>multi disciplinary</i> .		